

Program cegah kes OKU peringkat awal

RM - 24/6/07

Oleh Ahmad Ghazali Musa

KUANTAN: Kerajaan sudah melaksanakan pelbagai program pengesanan serta pemulihan awal kecacatan kanak-kanak bagi membendung ia menjadi lebih teruk sehingga golongan itu menjadi orang kurang upaya (OKU).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata antara langkah itu ialah penyediaan 3,061 klinik meliputi 1,943 Klinik Desa, 857 Klinik Kesihatan, 168 Klinik Bergerak dan 93 Klinik Ibu dan Anak bagi mengesan kecacatan pada peringkat awal.

"Antara 1,500 hingga 1,800 kes kanak-kanak bawah usia 7 tahun di kesan setiap tahun memerlukan pemulihan awal disebabkan masalah kurang upaya," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Kempen Intervensi Awal Mencegah Kecacatan Kanak-Kanak, di Dewan Konvensyen Jubli Perak, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek; Naib Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Rosmah Mansor dan Yang Dipertua Persatuan Isteri Wakil Rakyat Pahang, Datin Seri Junaini Kassim.

Najib berkata, sebagai langkah intervensi awal dan pemulihan kecacatan, kerajaan mewujudkan 225 Klinik Kesihatan menyediakan perkhidmatan pemulihan sejak 1996.

Menerusi kemudahan itu, beliau berkata, tahun lalu, 3,000 kanak-kanak menjalani pemulihan perubatan di klinik berkenaan.

"Di samping itu, program saringan autisme di kalangan kanak-kanak bawah usia 3 tahun turut diwujudkan di beberapa daerah, di samping kegiatan di 364 Pusat Dalam Komuniti (PDK) di seluruh negara mengendalikan 9,260



JADI PANDUAN: Najib bersama Rosmah melancarkan Kempen Intervensi Awal Mencegah Kecacatan Kanak-Kanak sambil diperhatikan (dari kiri) Dr Chua, Adnan dan Junaini (kanan) di Dewan Konvensyen Jubli Perak, Kuantan, semalam.

kanak-kanak kurang upaya.

"Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut mengendalikan program pencegahan awal dengan memberi fokus kepada sesuatu kecacatan seperti Persatuan Sindrom Down, Autisme dan Dyslexia. Usaha ini perlu diberi pujian dan pengiktirafan kerana melambangkan keprihatinan mereka ke arah mewujudkan masyarakat penyayang," katanya.

Najib berkata, satu teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ialah meningkatkan tahap dan kemapanan mutu hidup masyarakat, justeru fokus utama kerajaan

FAKTA NOMBOR

Program intervensi awal, pemulihan kecacatan kanak-kanak

225

Klinik Kesihatan

3,000

Kanak-kanak jalani pemulihan

ialah memantapkan perkhidmatan bagi kanak-kanak.

Katanya, ini termasuk kegiatan intervensi awal, pencegahan penderaan dan pengabaian kanak-kanak meliputi pencegahan kecacatan, rawatan dan pemulihan kanak-kanak kurang upaya.

Sementara itu, Rosmah dalam ucapannya berkata, kempen intervensi awal mencegah kecacatan kanak-kanak antara usaha Bakti dan badan amal negeri menyedarkan ibu bapa dan penjaga kepentingan penyediaan fizikal lebih selamat di rumah untuk anak.

NORDIN ABDULLAH | BERITA MINGGU